

12/03/2001

Melayu rugi jika pertemuan tidak dapat jana hasil baru

KUALA LUMPUR, Ahad - Perbincangan antara pemimpin Umno dan Pas perlu membabitkan isu kepentingan Melayu dalam usaha menjana hasil baru yang dapat mewujudkan daya saing masyarakat Melayu di negara ini.

Pensyarah Fakulti Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Faridah Jalil berkata, jika perbincangan tidak dapat menjana hasil baru bagi menggalakkan daya saing orang Melayu, ia hanya membazir masa saja.

"Selain itu, jika kedua-dua pihak masih tebal dengan semangat untuk menjaga kepentingan politik masing-masing tanpa menghiraukan kebajikan rakyat yang kini semakin keliru, mungkin semua pihak akan rugi," katanya kepada Berita Harian di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai pertemuan yang dicadangkan antara Umno dan Pas dalam membincangkan perkara membabitkan kepentingan Melayu seperti hak dan keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam, bahasa kebangsaan dan status raja-raja Melayu seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Faridah berkata, pandangannya itu adalah dari sudut ilmiah tanpa mengambil kira tanggapan serta andaian berhubung niat di sebalik pertemuan, sebaliknya menumpukan kepada penyelesaian masalah perpaduan bangsa Melayu.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan pertemuan Umno-Pas tidak mempunyai implikasi politik kepada parti masing-masing kerana ia cuma perbincangan mengenai isu kepentingan Melayu berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan.

Mengenai isu hak keistimewaan orang Melayu, Faridah berkata perkataan yang digunakan dalam Perkara 153(1) Perlembagaan membangkitkan anggapan bahawa orang Melayu diberikan kedudukan istimewa.

"Akibat pemberian kedudukan istimewa inilah, ia membenarkan keutamaan dari sudut layanan kepada orang Melayu.

"Sudah banyak diperkatakan mengenai hal ini dan rakyat Malaysia umumnya boleh menerima hakikat bahawa kedudukan istimewa ini wajar diberikan kepada kaum yang telah sanggup berkongsi tempat mencari rezeki dan hidup dengan kaum yang dahulunya pendatang," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini tidak pernah ada kes yang dibawa ke mahkamah mempersoalkan mengenai kedudukan ini, sebaliknya bantahan-bantahan yang timbul adalah bersifat tekanan politik dan juga kritikan yang berupa rasa tidak puas hati ataupun akibat ketidakfahaman mengenai peruntukan itu.

"Peruntukan hak istimewa itu bersifat melindungi kepentingan bangsa Melayu dan Bumiputra serta ia diadakan berasaskan faktor sejarah, sosial serta politik yang telah diperbincangkan dengan teliti oleh Suruhanjaya Reid.

"Malah, peruntukan itu dibuat dengan melihat keadaan semasa pada 1957 dan hari ini peruntukan berkenaan masih perlu dikekalkan, tetapi hendaklah diberi nafas baru," katanya.

Beliau berkata, peruntukan hak istimewa orang Melayu bukan bersifat perlindungan membabi-butakan, tetapi lebih bersifat membina bangsa supaya orang Melayu setanding dan dapat bersaing dengan kaum lain di negara ini.

Mengenai agama Islam pula, Faridah berkata kedudukan agama Islam jelas sekali sebagai agama rasmi negara yang bererti kedudukannya agak lebih berbanding dengan agama lain.

"Bagaimanapun, kita dapat lihat sendiri mana-mana golongan agama yang bersifat ekstrim dikenakan tindakan, walaupun umum melihat sekatan

terhadap gerakan Islam lebih ketat.

"Tetapi pada pandangan saya, langkah itu dibuat bagi memelihara kesucian Islam itu sendiri. Cuma mungkin aspek agama agak besar dan masalah agama sebenarnya banyak menyentuh peribadi kerana mungkin membabitkan cara hidup dan gaya pemerintahan," katanya.

Dalam isu bahasa kebangsaan, beliau berkata kerajaan masih perlu menghalusi dan mengkaji dengan terperinci mengenai perkara itu yang mana bahasa Melayu patut mendapat penghormatan sewajarnya.

Katanya, dengan dasar kerajaan yang kini mengubah pendekatan memberatkan bahasa Inggeris, ia sebenarnya meninggalkan kesan kepada perkembangan dalam memertabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

(END)